

Khidmat rundingan UMS kendali 47 projek bernilai RM1.5 juta setahun

Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com

SEJAK mula beroperasi pada tahun 2007, Khidmat Nasihat dan Rundingan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengendalikan 47 projek. Khidmat yang dijalankan melalui syarikat milik sepenuhnya, UMS Link Holdings Sdn Bhd meliputi kajian impak ke atas alam sekitar (EIA), kajian impak sosial (SIA) serta kajian impak ke atas sosio-ekonomi (SEIA).

Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Pengkomersialan UMS Link, Hj Sainuri Yahmin berkata khidmat nasihat dan rundingan yang telah dijalankan telah mencatatkan nilai kira-kira RM1,475,000 pada tahun 2008 dan terus meningkat kepada RM1,555,000 pada tahun 2009.

Menurut beliau lagi, sehingga tahun 2010, pelbagai agensi kerajaan, swasta dan bukan kerajaan telah mengadakan kerjasama dengan UMS Link untuk mendapatkan khidmat perundingan dan nasihat dalam pelbagai projek dalam dan luar negara. Antara agensi antarabangsa terkemuka yang telah mendapatkan khidmat UMS Link ialah World Wildlife Fund (WWF).

Khidmat nasihat rundingan adalah salah satu aktiviti penting di universiti awam di Malaysia selain pemfokusan ke arah pendidikan. Melalui khidmat nasihat dan rundingan, universiti-universiti di Malaysia menyumbang di dalam penyelidikan dan pembangunan negara.


Namun begitu, bagi sesebuah universiti



DR. RAMZAH

walaupun matlamat serta objektif penubuhannya adalah lebih menurus ke arah bidang pendidikan, aktiviti perundingan merupakan salah satu daripada usahanya untuk berkongsi kepakaran dengan agensi-agensi luar di samping menyumbang ke arah yang positif untuk pembangunan masyarakat di negara ini. Aktiviti ini juga boleh menjana sumber pendapatan melalui rundingan yang diberikan kepada perkhidmatan awam dan swasta di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Ditubuhkan pada tahun 1996, Unit Perkhidmatan Rundingan dan Latihan UMS Link bertujuan menggalakkan aktiviti pengendalian perundingan dan khidmat nasihat. UMS berharap selain tanggungjawab melaksanakan tugas seharian, para tenaga pengajar akademik dapat memberikan sumbangan cemerlang kepada masyarakat serta menambah pengalaman kepada diri mereka sendiri. Ia juga secara tidak langsung memberi manfaat kepada imej universiti kerana kendalian khidmat nasihat



Mengumpul data bagi pengurusan persisiran pantai.

dan rundingan yang diberikan adalah secara profesional, cekap dan berkesan.

UMS kini boleh berbangga dengan aktiviti khidmat nasihat dan rundingan tenaga pengajar akademiknya apabila UMS Link diberi tanggungjawab menguruskan pelbagai projek. Sebagai sebuah syarikat milik universiti, UMS Link sentiasa bertekad untuk menjaga nama baik UMS dengan memastikan penghasilan mutu kerja bertaraf profesional dan berkepakaran tinggi dapat dilaksanakan dengan menyiapkan projek rundingan mengikut terma dan jadual yang telah dipersetujui antara kumpulan perunding dengan pihak klien.

Khidmat nasihat dan rundingan yang ditawarkan oleh UMS Link ini meliputi bidang-bidang berikut:-

Sosio-Ekonomi, Pengurusan Persisiran Pantai, Akuakultur dan Marin Bioteknologi dan Tenaga Solar, Penilaian Kualiti Air Pengurusan Sumber Manusia, Keagamaan dan Kesenian Kebudayaan.

Antara khidmat nasihat dan rundingan yang telah dijalankan oleh pihak UMS dengan kerjasama UMS Link dan agensi swasta adalah sebuah projek yang diketuai oleh Dr. Ramzah Dambul, Pensyarah Kanan daripada Sekolah Sains Sosial yang bertajuk "DEIA Study for 300mw Coal Fired, IPP Projek yang dijalankan di Sandakan, Sabah.

Menurut Dr. Ramzah, pembentukan kumpulan perunding adalah amat penting bagi memastikan pihak klien berpuas hati dengan khidmat yang diberikan. Individu yang terlibat di dalam kumpulan perlu mempunyai kombinasi kepakaran yang sesuai dengan tuntutan sesebuah projek penyelidikan. Selain itu, setiap perunding

individu haruslah bersedia memberi komitmen dan dedikasi yang tinggi (kerana projek rundingan selalunya bersifat jangka pendek). Jalinan komunikasi yang efektif dan sistematik bersama klien sepanjang projek dijalankan juga merupakan kualiti yang sangat penting.

Di samping itu, untuk memikul tugas dan tanggungjawab sebagai kumpulan perunding, terdapat garis panduan yang perlu dipatuhi bagi kedua-dua pihak iaitu pelanggan serta pakar runding. Garis panduan diperlukan bagi memastikan hasil kajian yang dilakukan mematuhi piawaian yang ditetapkan.

Komen Dr Ramzah mengenai projek rundingan yang berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan ialah projek berkenaan memerlukan kepimpinan ketua yang cekap dan telus. "Oleh kerana projek rundingan sangat berorientasikan output dan sasaran masa yang rigid,



Khidmat rundingan dan khidmat nasihat akuakultur dan marin.

maka keupayaan ketua projek menggerakkan ahli pasukan merupakan kunci kejayaan sesuatu penyelidikan. Sokongan logistik dan pentadbiran daripada badan induk UMS Link juga adalah resepi terpenting untuk menghasilkan sebuah projek rundingan yang berjaya," kata Dr. Ramzah.

Di samping itu, UMS Link juga pernah terbabit dalam projek kajian impak sosial yang dijalankan untuk sebuah syarikat carigali swasta pada tahun 2008. Kajian tersebut adalah merangkumi kaji selidik mengenai kesan terhadap sosio-ekonomi masyarakat setempat sekiranya projek untuk membina paip gas yang disambungkan daripada Negeri Sarawak ke Negeri Sabah dijalankan. Kumpulan pakar runding telah mengadakan kajian

yang menumpukan kesan projek berkenaan kepada masyarakat yang bermastautin di sekitar daerah Papar-Beaufort-Sipitang. Selain itu, UMS juga terlibat di dalam kajian yang melibatkan projek pembangunan kerajaan Persekutuan yang bertajuk "Projek Pembangunan Taman Orkid dan Botani Sabah" di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) dan pelbagai projek lain dari yang berskala kecil hinggalah yang besar.

Pembentukan unit khidmat nasihat dan rundingan UMS yang dikendalikan oleh UMS Link dilihat sebagai satu tindakan bijak bagi meningkatkan kredibiliti UMS serta memartabatkan lagi kedudukannya di mata masyarakat. Hal itu dilakukan dengan membantu pihak-pihak yang memerlukan khidmat nasihat secara teliti dan teratur serta mendapat sokongan daripada golongan pakar. Adalah diharapkan agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan negara akan sentiasa melibatkan tenaga pakar daripada UMS dalam semua bidang berkaitan penyelidikan selaras dengan matlamat kerajaan untuk membangunkan negara ke mercu kejayaan.

Agensi-agensi kerajaan atau swasta yang berminat untuk mendapatkan khidmat perundingan dan nasihat UMS bolehlah melayari laman web UMS Link Holdings Sdn Bhd iaitu www.umslink.com.my atau menelefon terus ke nombor 088-485 575 (bahagian pemasaran).



Sosio-ekonomi menjadi sebahagian bidang perundingan UMS.



Khidmat bagi bagi peningkatan pengurusan sumber manusia.